

# Auto Kan Senang!

15 SEPTEMBER – 15 NOVEMBER 2022



## JOM BAYAR ZAKAT PENDAPATAN SECARA BULANAN MELALUI **DIRECT DEBIT**



### TERMA & SYARAT

Auto Kan Senang! dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bermula 15 September 2022 hingga 15 November 2022.

#### KELAYAKAN

- Terbuka kepada warganegara Malaysia **KECUALI** kakitangan LZS.
- Syarat penyertaan adalah seperti berikut:
  - (1) Peserta perlu membuat **pendaftaran direct debit** dengan melayari [www.zakatselangor.com.my/directdebit](http://www.zakatselangor.com.my/directdebit) atau dengan **mengimbas kod QR / affiliate link** yang telah dipromosikan oleh kakitangan atau yang tertera pada **laman web LZS**.
  - (2) Pendaftaran dan pembayaran peserta yang berjaya dalam tempoh kempen sahaja yang layak untuk menyertai cabutan peraduan.

#### CABUTAN PEMENANG DAN HADIAH PERADUAN

- Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan berkomputer dan dipantau oleh juruaudit LZS. Pemenang akan dihubungi oleh LZS melalui panggilan telefon yang direkodkan dalam sistem LZS. Peserta bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon, alamat e-mel dan alamat surat – menyurat adalah terkini dan dikemaskini dengan LZS. LZS akan menghubungi pemenang untuk mendapatkan nombor akaun peserta bagi tujuan pembayaran hadiah wang tunai yang dinyatakan.
- Keputusan LZS adalah muktamad dan sebarang bantahan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
- LZS berhak meminta pemenang mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah sebelum penebusan hadiah.
- Pemenang hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. LZS berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang sama nilai.
- LZS tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan hadiah atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.

#### LAIN-LAIN

- LZS berhak untuk meminda tempoh penyertaan tanpa sebarang notis.
- LZS berhak membatalkan nama peserta jika tiada bayaran dalam direct debit dalam tempoh kempen tanpa sebarang notis.
- Dengan menyertai Auto Kan Senang! ini juga, peserta bersetuju:
  - (1) Untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh LZS selaras dengan notis privasi LZS termasuk untuk aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi.
  - (2) Untuk LZS menerbitkan atau memaparkan nama dan/atau gambar pemenang didalam media pemasaran, portal LZS atau lain-lain medium elektronik bagi tujuan publisiti.

#### NOTA:-

- \* Sebarang terma, syarat dan peraturan penyertaan yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan pemenang tersingkir. Pemenang gantian yang tersenarai akan dipilih sebagai pemenang.
- \* LZS berhak atas budi bicara mutlaknya, menukar, meminda atau menambah sebarang terma dan syarat, menamatkan atau menggantungkan penyertaan dengan memberikan notis bertulis melalui media elektronik atau kaedah lain.

Unutk sebarang pertanyaan, maklumat lanjut atau maklum balas berkaitan dengan peraduan ini, peserta boleh menghubungi:

**TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 200 98 4242**